

Hayati, hormati Rukun Negara, Perlembagaan Persekutuan

KUALA LUMPUR 13 Sept. - Setiap lapisan masyarakat di negara ini perlu menghayati prinsip Rukun Negara iaitu asas kepada kehidupan bermasyarakat harmoni dalam negara yang mempunyai kepelbagaian agama, bangsa, kaum, bahasa dan budaya.

Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio Budaya Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong berkata, ketika ini Malaysia dengan pelbagai perbingcangan berkaitan isu yang berlaku

hingga ada yang menimbulkan perbalahan yang menjejaskan hubungan toleransi antara kaum.

Beliau berkata, pembentukan negara bangsa negara ini menjadi masalah dan kurang berjaya kerana wujud beberapa pihak yang enggan atau malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu, malah tidak terkejut



TEO KOK SEONG

apabila masih ada yang tidak boleh menggunakan bahasa rasmi negara itu.

“Sepatutnya selepas 60 tahun merdeka, bahasa Melayu perlu menjadi sebahagian identiti kaum di negara ini kerana sesungguhnya bahasa mempunyai kuasa dalam menyatupadukan ummah dan ia terbukti dalam sejarah manusia di merata

tempat di dunia ini. Malangnya, kita masih gagal dalam penyatuan linguistik ini.

“Atas sebab itu, jalan terbaik adalah semua masyarakat kembali kepada semangat Rukun Negara kerana ia merupakan dasar manifestasi kepercayaan, keyakinan dan hasrat kita untuk bertindak ke arah mencapai matlamat yang diidamkan bersama iaitu membentuk negara maju, rakyat yang selamat, hidup bermuafakat dan sepakat,” katanya.